

TARIKH: 25 MEI 2022

SURAT KHABAR: BERITA HARIAN

MUKA SURAT: 2

# MoC hantar pekerja mahir ke Jepun bakal dimuktamad

**Putrajaya:** Memorandum kerjasama (MoC) berhubung penghantaran pekerja mahir Malaysia dan sektor tertentu untuk bekerja di Jepun akan dimuktamadkan kedua-dua negara, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan.

Beliau berkata, ia antara intipati utama dalam rangka lawatan kerjanya ke Jepun bermula hari ini hingga Sabtu ini bersempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ke negara itu.

Katanya, beliau akan menandatangani MoC itu bersama Menteri Kehakiman Jepun, Yoshihisa Furukawa, selain membabitkan penyertaan Kementerian Luar

Negeri, Kementerian Kesihatan, Buruh dan Kebajikan serta Agenasi Polis Negara Jepun.

"Matlamat MoC untuk membantu memartabatkan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) negara bagi melahirkan tenaga kerja mahir dalam kalangan pekerja tempatan.

"MoC itu juga memberi peluang kepada rakyat tempatan memperoleh pengalaman dan kepakaran di Jepun untuk satu tempoh masa dan apabila pulang kelak, mereka dapat menyumbang kepada industri berkaitan di Malaysia," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

MoC itu menggariskan 14 sektor penghantaran pekerja mahir

merangkumi pelbagai industri iaitu perkakasan dan bahagian mesin, penerbangan, pembaikan dan penyelenggaraan automobil serta jentera perindustrian.

Saravanan berkata, MoC itu juga selaras hasrat kerajaan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030) iaitu mencapai sasaran 35 peratus pekerja berkemahiran tinggi dalam guna tenaga negara.

Dalam rangka lawatan kerja itu, Saravanan juga dijadual melawat Cyberdyne Studio untuk melihat teknologi neuro-robotik tercanggih, Robot Suit HAL iaitu robot cyborg pertama di dunia berkaitan pemulihan dan reabilitasi.